

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJI AHMAD HAMZAH**

**KAWASAN : JASIN**

**TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)**

**NO. SOALAN : 19**

**SOALAN:**

YB DATUK WIRA HAJI AHMAD HAMZAH minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk meningkatkan keupayaan rakyat Malaysia merebut peluang-peluang yang wujud; dan
- (b) menangani cabaran-cabaran yang dihadapi ekoran daripada terbentuknya komuniti ekonomi ASEAN (AEC) sedangkan majoriti rakyat Malaysia berada di dalam kegelapan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Izinkan saya menjelaskan bahawa ASEAN telah mengorak langkah secara progresif untuk memperkuuhkan integrasi ekonomi serantau sejak 1990s dengan termeterainya Perjanjian Rangka Kerja Memperkuuhkan Kerjasama Ekonomi ASEAN (*Framework Agreement on Enhancing ASEAN Economic Cooperation*) pada 1992 dan Perjanjian Skim Keutamaan Sama Rata (*Agreement on the Common Effective Preferential Tariff - CEPT*) di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) pada 1993.
2. Begitu juga dengan fasilitasi dan liberalisasi aktiviti dalam sektor perkhidmatan dan pelaburan antara Negara-negara anggota ASEAN yang telah mula beroperasi sejak termeterainya Perjanjian Rangka Kerja Perkhidmatan (*ASEAN Framework Agreement on Services - AFAS*) pada 1995 dan Perjanjian Rangka Kerja Kawasan Pelaburan ASEAN (*Framework Agreement on the ASEAN Investment Area – AIA*) pada 1998 yang kemudian telah diganti dengan Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (*ASEAN Comprehensive Investment Agreement - ACIA*) pada 2012.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Kenyataan bahawa kebanyakan rakyat Malaysia berada di dalam kegelapan mengenai Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community – AEC*) adalah tidak benar kerana beberapa langkah utama telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan *stakeholders* bagi memastikan pelbagai peringkat masyarakat di Malaysia, termasuk golongan Bumiputra, bersedia untuk menghadapi kewujudan AEC iaitu:

- (i) semua proses liberalisasi di bawah AEC dijalankan secara berperingkat bagi memastikan kesemua pihak dapat menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan persekitaran perniagaan;
- (ii) pelbagai program telah disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SME Corp.), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan agensi-agensi lain di bawah MITI bagi membantu syarikat-syarikat Malaysia, terutamanya dalam melaksanakan program-program pembangunan modal insan bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS), khidmat nasihat maklumat pasaran serta bantuan pembiayaan perniagaan. Bantuan-bantuan ini adalah perlu bagi memastikan usahawan Malaysia, termasuk usahawan bumiputra, dapat bersaing secara domestik dan serantau;

- (iii) Bagi tempoh 2013 hingga 2014, lebih daripada 160 program kesedaran (*awareness programme*) telah dijalankan oleh MITI dengan kerjasama *stakeholders* yang lain bagi memastikan rakyat Malaysia khususnya usahawan tempatan sedar mengenai kewujudan AEC. Program kesedaran ini disasarkan kepada komuniti perniagaan dan kumpulan-kumpulan profesional dan bertujuan untuk memberi penerangan mengenai peluang-peluang di bawah AEC. Program yang sama juga turut dijalankan untuk masyarakat umum termasuklah belia, pelajar institusi-institusi pengajian tinggi dan badan-badan bukan kerajaan. Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat Malaysia menjelang pewujudan AEC pada akhir tahun 2015. Sempena Pemukiman Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Ministers' Retreat – AEM Retreat*) Ke-21 yang telah diadakan di Malaysia baru-baru ini, beberapa program kesedaran juga turut dijalankan di negeri Kelantan, termasuk pelajar-pelajar di Universiti Malaysia Kelantan;
- (iv) misi perdagangan dan pelaburan ke negara-negara anggota ASEAN juga dilaksanakan setiap tahun bagi memberi pendedahan kepada ahli-ahli perniagaan termasuk syarikat-syarikat multinasional dan PKS di Malaysia mengenai peluang-peluang perniagaan sedia ada di bawah AEC dan perjanjian-perjanjian perdagangan bebas ASEAN; dan

(v) Kerajaan juga berkerjasama rapat dengan majlis-majlis perniagaan Malaysia di luar negara. Di ASEAN, majlis-majlis perniagaan ini wujud di Indonesia, Thailand, Myanmar, Singapura, Vietnam dan Kemboja. Kerajaan menyarankan agar usahawan-usahawan tempatan dapat berinteraksi dengan majlis-majlis perniagaan ini supaya dapat memahami dan seterusnya membuat perdagangan dan pelaburan berkesan di negara-negara tersebut. MATRADE juga telah menjemput wakil-wakil majlis perniagaan dari negara-negara tersebut untuk memberi penerangan mengenai pelaung-peluang perdagangan dan pelaburan yang wujud.

4. Dengan jumlah penduduk sebanyak 30 juta orang di Malaysia, Kerajaan berpandangan bahawa pembentukan AEC akan membawa banyak aspek positif terutamanya membolehkan syarikat-syarikat Malaysia meneroka pasaran ASEAN yang luas serta membolehkan syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur di negara-negara anggota ASEAN yang lain. Sehingga kini dianggarkan lebih daripada 1000 buah syarikat Malaysia sedang beroperasi di negara-negara anggota ASEAN termasuklah AirAsia, Maybank, CIMB, RHB, UEM, BinaPuri, SimeDarby, Petronas, Secret Recipe, Marrybrown dan Ingress. Pelaburan Malaysia ke ASEAN merangkumi pelbagai sektor termasuk sektor perkilangan, kewangan, perladangan, pembinaan, tenaga dan hotel. Beberapa syarikat Malaysia juga telah diberi kepercayaan oleh negara-negara anggota ASEAN yang lain untuk membina lebuhraya, pusat pentadbiran, kondominium dan pusat membeli-belah di negara mereka. Ini menunjukkan bahawa syarikat-

syarikat Malaysia telah bersedia merebut peluang-peluang yang diwujudkan melalui integrasi ekonomi ASEAN.

5. Apatah lagi, dengan pemansuhan duti import dan halangan-halangan bukan tarif di kalangan negara-negara anggota ASEAN, AEC telah mencipta peluang-peluang kepada pengusaha Malaysia untuk mengeksport produk-produk mereka seperti makanan telah diproses, elekrik dan elektrikal, hasil kayu, getah dan produk-produk yang dihasilkan oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) ke negara-negara ASEAN yang lain. Jumlah perdagangan antara Malaysia dan negara-negara ASEAN telah meningkat 3.82% kepada RM389.03 bilion pada tahun 2014. Eksport Malaysia ke pasaran ASEAN pada tahun 2014 pula meningkat sebanyak 5.8 peratus kepada RM213.58 bilion berbanding RM201.81bilion pada tahun 2013.

6. Bagi memastikan pemahaman dan kepentingan AEC tersebut dapat dicapai, MITI akan meneruskan program untuk meningkatkan kesedaran rakyat dan ahli-ahli perniagaan mengenai AEC secara agresif. Malaysia optimis akan mempu mencapai komitmen-komitmen di bawah AEC menjelang 2015. Dengan terlaksananya AEC 2015, semua lapisan masyarakat dalam pelbagai sektor ekonomi dijangka akan turut merasai faedah dan kebaikan yang ditawarkan oleh rantau ASEAN.